



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 1/2023

GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) & MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Bilangan 2/2022 (Kali Ke-143) yang telah bersidang pada 29 Mac 2022 (Selasa) bersetuju meluluskan cadangan pelaksanaan Garis Panduan Massive Open Online Course (MOOC) & Micro-credentials (MC) UMK dan digunapakai bermula Semester September Sesi 2022/2023.

3. Semua staf akademik, pihak pengurusan fakulti dan bahagian yang berkaitan adalah disarankan untuk merujuk kepada garis panduan tersebut bagi pembangunan dan pelaksanaan kursus MOOC dan MC di UMK. Bersama-sama ini dilampirkan garis panduan berkaitan sebagai rujukan dan panduan selanjutnya.

4. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.


**“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(PROF. DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)


01 JANUARI 2023

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor - Timbalan Naib Canselor
 - Pendaftar
 - Semua Dekan / Pengarah Pusat Pengajian


 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 1/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

ISI KANDUNGAN

GLOSARI	3
BAHAGIAN 1 :	5
Pengenalan	5
1.0 LATAR BELAKANG	7
1.2 PANDUAN PENGGUNAAN	10
BAHAGIAN 2 :	11
Garis Panduan Pembangunan MOOC dan MC	11
2.1 PROSEDUR PEMBANGUNAN MOOC dan MC UMK	12
2.2 REKA BENTUK	14
2.3 ASPEK-ASPEK REKA BENTUK LAIN	15
2.4 KURIKULUM KURSUS	16
2.5 PEMBANGUNAN BAHAN MOOC dan MC	17
2.6 JAMINAN KUALITI	22
2.7 GARIS MASA (<i>TIMELINE</i>)	22
2.8 UJIAN RINTIS (<i>PILOT TEST</i>)	23
2.9 HAK CIPTA	24
2.10 CARTA ALIR PEMBANGUNAN MOOC dan MC	24
2.11 PERANAN SUBJECT MATTER EXPERT (SME)	25
2.12 PERANAN PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK (PKPA UMK)	26
BAHAGIAN 3 :	28

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 2/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

GARIS PANDUAN PENAWARAN MOOC DAN MC	28
3.1 PROSEDUR PENAWARAN MOOC DAN MC.....	28
3.2 PERANAN SUBJECT MATTER EXPERT (SME).....	30
3.3 PERANAN PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK (PKPA UMK)	30
3.4 PERANAN PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) ATAU FAKULTI	30
3.5 PERANAN BENDAHARI.....	31
BAHAGIAN 4 :	32
GARIS PANDUAN PINDAH KREDIT MOOC UMK (CTM UMK).....	32
4.1 SYARAT AM KELAYAKAN <i>CREDIT TRANSFER MOOC</i> (CTM).....	36
4.2 CADANGAN DAN SKOP PELAKSANAAN	40
4.3 PROSES KERJA PINDAH KREDIT MOOC (PKM) MENGIKUT MQA	44
4.4 PERANAN BAHAGIAN PENTADBIRAN AKADEMIK (BPA) DAN PERUBAHAN SISTEM MAKLUMAT PELAJAR UMK	44
4.5 AGIHAN PEROLEHAN HASIL DARIPADA CTM	45
4.6 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB ENTITI DALAM CTM	48
4.7 ANALISA RISIKO.....	50
BAHAGIAN 5 :	52
GARIS PANDUAN JAMINAN KUALITI MOOC DAN MC	52
5.1 JAMINAN KUALITI PEMBANGUNAN MOOC DAN MC	52
5.2 JAMINAN KUALITI PENAWARAN MOOC DAN MC.....	54
5.3 JAMINAN KUALITI PINDAH KREDIT MOOC	55
SEKALUNG BUDI DAN PENGHARGAAN.....	57

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 3/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

GLOSARI

Content page	Laman kandungan sesuatu kursus yang memberi maklumat secara ringkas tentang kursus tersebut termasuk kesemua topik, subtopik, pentaksiran dan aktiviti yang berkaitan.
Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	Lebih dikenali dengan akronim CLO – Course Learning Outcome, ditetapkan bagi setiap kursus, Biasanya mempunyai 3-5 HPK bagi satu kursus.
Hasil Pembelajaran Topik (HPT)	Hasil pembelajaran bagi setiap topik mengikut Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) yang ditetapkan.
Hasil Pembelajaran Modul (HPM)	Hasil pembelajaran yang ditetapkan bagi setiap modul bagi <i>Micro-Credentials</i> .
Instruktur	Individu yang bertanggungjawab mengendalikan MOOC.
Kredit Dapat (KD)	Jumlah kredit yang diperolehi oleh pelajar bagi kursus yang lulus
Landing Page	Laman utama sesuatu kursus yang memberi maklumat secara ringkas tentang kursus tersebut dan maklumat lain yang berkaitan seperti sinopsis, hasil pembelajaran, tatacara pengajaran dan juga maklumat instruktur.
MOOC	Massive Open Online Course ialah kursus lengkap yang ditawarkan dalam talian di platform MOOC secara akses terbuka.
MC	<i>Micro-Credentials</i> ialah kursus berbentuk mikro atau modul yang ditawarkan dalam bentuk topik (minimum 6 modul/topik, maksimum 10 modul/topik) atau ditawarkan mengikut bilangan HPK/CLO.
Moderator	Individu yang membantu instruktur dalam memoderasi aktiviti MOOC.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN


**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01

**GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE
COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL
(MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

PINDAAN : 1
TARIKH PINDAAN :
29 MAC 2022
MUKA SURAT: 4/58

Pembelajaran dalam talian	Suatu pembelajaran ke atas kandungan kursus disediakan dalam talian dan penyampaiannya sama ada secara segerak (synchronous) atau tidak segerak (asynchronous).
Pembelajaran in-session	Pembelajaran yang mempunyai tarikh mula dan tarikh akhir. Cara pengendalian berstruktur mengikut minggu.
Pembelajaran sendiri	Pelajar mengikuti kursus yang dikendalikan mengikut keperluan dan kesesuaian secara terarah dan kemampuan individu.
Pemindahan kredit secara menegak	Pemindahan kredit daripada peringkat rendah ke peringkat lebih tinggi seperti diploma ke ijazah sarjana muda. Contoh: Pelajar ijazah sarjana muda lepasan diploma boleh memohon pemindahan kredit secara menegak.
Pemindahan kredit secara melintang	Pemindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama seperti diploma ke diploma dan ijazah sarjana muda ke ijazah sarjana muda.
Pindah kredit tanpa gred	Pindah kredit tanpa gred turut dipanggil sebagai pengecualian kredit di mana kredit bagi kursus tersebut dikira sebagai sebahagian daripada keperluan kredit untuk bergraduat bagi suatu program.
Platform close source / open source	Pelantar dalam talian yang menggunakan <i>coding</i> tertentu sama ada <i>close</i> – tertutup (tidak dapat diubah dan akses terhad) ataupun <i>open</i> – terbuka (boleh diubah dan akses meluas)
Reka bentuk pengajaran	Satu pelan yang memandu proses instruksi mengikut satu rancangan yang sistematik berasaskan prinsip yang tertentu.
Subject Matter Expert	Ahli akademik/Pakar rujuk dalam bidang pengajian yang terlibat dalam pembangunan dan pengendalian kursus.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 5/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

BAHAGIAN 1


PENGENALAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT) dalam Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0 (DePAN 2.0) 2015 telah menggariskan Lonjakan ke-9 iaitu Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global (GOL) dengan memfokuskan kepada akses pendidikan yang lebih luas, kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih baik, di samping kesesuaian pembelajaran mengikut keperluan pelajar masa kini.


Melalui lonjakan ini, *Massive Open Online Courses* (MOOC) mula diperkenalkan bertujuan untuk menawarkan kursus/subjek dalam bentuk pembelajaran dalam talian terbuka menggunakan platform yang dipilih atau disediakan khas. Perkembangan MOOC secara meluas telah mencetuskan satu inisiatif baharu iaitu penawaran kursus/subjek yang dipecahkan kepada beberapa modul/topik dengan tempoh pembelajaran yang lebih singkat, dinamakan *Micro-Credentials* (MC).

Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) melalui Bahagian Inovasi Pengajaran & Pembelajaran dan Kepimpinan Akademik (BIPPKA) telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan hal-hal berkaitan *Massive Open Online Courses* (MOOCs) dan *Micro-Credentials* (MCs) di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dari aspek pembangunan, jaminan kualiti, proses penawaran dan pemindahan kredit. Semua ini diterjemahkan dan dijelaskan secara terperinci dalam penulisan garis panduan MOOC dan MC UMK ini.

Garis panduan ini merangkumkan beberapa perkara yang perlu diambil perhatian dalam proses pembangunan, penawaran, pindah kredit dan jaminan kualiti. Susunan penulisan perkara-perkara tersebut akan dibentangkan sebagaimana berikut:


 <p>UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</p>	<p>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)</p> <p>UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01</p>	<p>PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 6/58</p>
	<p>GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</p>	

- 1.0 PENGENALAN
- 2.0 GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN MOOC DAN MC
- 3.0 GARIS PANDUAN PENAWARAN MOOC DAN MC
- 4.0 GARIS PANDUAN PINDAH KREDIT MOOC
- 5.0 GARIS PANDUAN JAMINAN KUALITI MOOC DAN MC

 <p>UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</p>	<p>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)</p> <p>UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01</p>	<p>PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 7/58</p>
	<p>GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</p>	


1.1 LATAR BELAKANG

MOOC dan MC merupakan kursus atau modul dalam talian yang ditawarkan secara terbuka untuk kegunaan 10,000 hingga 100,000 pelajar di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa melalui sesebuah platform Sistem Pengurusan Pembelajaran - *Learning Management System* (LMS). Contoh platform LMS yang sedia ada dan menawarkan kursus/subjek secara akses terbuka ialah *Coursera*, *edX*, *Udacity*, *OpenLearning* dan pelbagai platform *open source* yang turut dibangunkan sendiri oleh pihak-pihak tertentu.



Rajah 1.1 Bilangan MOOC UMK 2015-2019 menggunakan platform *OpenLearning*

MOOC UMK bermula dengan menggunakan platform *OpenLearning* dari tahun 2015-2019 dengan peningkatan bilangan kursus yang ditawarkan sehingga mencecah 100 kursus sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Walau bagaimanapun, semua kursus di *OpenLearning* tidak lagi diteruskan kerana sistem *OpenLearning* bersifat *close source* dan menelan kos selenggara yang terlalu tinggi. Hal ini menyebabkan kesemua kursus yang telah dibangunkan hilang akses dan tidak dapat lagi digunakan.


 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 8/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

Pada tahun 2021, UMK melalui PKPA dengan sokongan kepakaran pihak teknikal di Pusat Komputeran dan Informatik (CCI) telah mengorak langkah membangunkan platform MOOC dan MC sendiri (*inhouse platform*), menggunakan sistem *open source* yang percuma dan lebih fleksibel iaitu *moodle* versi 3.11. Platform yang dibangunkan ini telah mengambil kira keperluan dan ciri-ciri untuk pembangunan MOOC dan MC, dan paling penting lebih mesra pengguna (pembangun kursus dan pelajar).

Dalam pada itu, MOOC dan MC terus bergerak ke hadapan apabila pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah mengedarkan Garis Panduan Pindah Kredit MOOC dan Mikro Kredit untuk rujukan IPT di Malaysia bagi proses penawaran MOOC dan MC dengan pindah kredit. Garis panduan MQA ini juga menjadi panduan umum untuk mengiktiraf pelajar dan bakal pelajar yang telah menamatkan kursus secara MOOC dengan dibenarkan pemindahan kredit. Selain itu, kewujudan hal ini merupakan kesinambungan dan sokongan Lonjakan ke-9 (GOL) dalam PPPM (PT) 2015-2025 iaitu inisiatif pembelajaran atas talian secara global.

Pihak MQA juga turut mengedarkan garis panduan *Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award* (APEL) atau Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu. APEL terbahagi kepada dua (2) iaitu APEL (A) bagi tujuan akses dan APEL (C) bagi tujuan penganugerahan kredit. MOOC dan lain-lain kaedah pembelajaran sendiri termasuk dalam kategori APEL (C) iaitu kategori pembelajaran secara tidak rasmi (*non-formal/informal*). APEL (C) membolehkan warga pekerja menggunakan pengalaman bekerja terdahulu yang berkaitan untuk memohon pemindahan kredit subjek yang berkaitan apabila mereka mendaftar sebagai pelajar IPT. Ini adalah untuk menggalakkan warga pekerja menyokong dan menyuburkan konsep pembelajaran sepanjang hayat dalam diri mereka.

Dalam Pindah Kredit MOOC - *Credit Transfer MOOC* (CTM), pihak MQA telah mengeluarkan kenyataan bahawa pihak universiti masing-masing boleh menganugerahkan CTM kepada para pelajar yang telah mengikuti kursus MOOC yang telah dikenal pasti tanpa perlu mewujudkan

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 9/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	


pusat APEL (C) di institusi masing-masing terlebih dahulu. Kelulusan ini bergantung kepada kelulusan Senat universiti masing-masing.

CTM hanya memberikan nilai kredit untuk tujuan pengijazahan tanpa memberi kesan kepada pengiraan purata nilai gred (GPA) dan purata nilai gred kumulatif (CGPA). Kredit CTM ini akan dikira sebagai Kredit Dapat (KD) untuk tujuan pengijazahan sahaja. CTM boleh dilaksanakan sebagai tambahan kepada pemindahan kredit tanpa gred secara menegak atau secara melintang yang telah diguna pakai dalam sistem peraturan akademik UMK.

Sebagai contoh, untuk kes pemindahan kredit tanpa gred secara menegak, pelajar lepasan Diploma layak memohon pemindahan kredit secara menegak di UMK sebanyak maksimal 30% apabila menyambung pengajian ke peringkat ijazah. Pelajar ini juga layak untuk memohon mendapatkan tambahan pemindahan kredit sebanyak 30% lagi melalui CTM. Ini menjadikan secara keseluruhannya, pelajar tersebut layak memohon sebanyak 60% pemindahan kredit untuk pengajian pelajar tersebut di peringkat ijazah. 60% merupakan jumlah pindah kredit maksimal bagi gabungan pindah kredit yang melibatkan kelayakan akademik, MOOC, MC dan APEL(C).

Satu Jawatankuasa *Task Force Credit Transfer MOOC & MC* (JK CTM) di bawah BIPPKA, PKPA UMK telah diwujudkan dan telah menyediakan prosedur dan garis panduan pelaksanaan CTM sebagaimana diperincikan dalam garis panduan ini dengan merujuk sepenuhnya garis panduan CTM yang telah dikeluarkan oleh MQA.

Berpandukan garis panduan ini, dapat dipastikan prosedur dari segi penawaran dan pelaksanaan, serta CTM memenuhi syarat. Seterusnya, para pelajar dan calon pelajar UMK yang telah berjaya menamatkan kursus MOOC (atau beberapa modul MC yang dilengkapkan sehingga mencukupi satu kursus) adalah layak memperoleh sijil tamat kursus MOOC (*certificate of completion*), dan boleh memohon CTM sama ada secara menegak ataupun secara melintang dalam program diikuti atau akan diikuti oleh mereka di UMK.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 10/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

1.2 PANDUAN PENGGUNAAN


Garis panduan ini diadaptasi daripada beberapa garis panduan universiti-universiti yang berpengalaman berserta penyesuaian dengan situasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Oleh itu, disyorkan garis panduan ini dilihat bersama dengan rujukan-rujukan berikut:

- i. *Guidelines on Credit Transfer for Massive Open Online Courses (MOOC) - MQA 2016*
- ii. *Guidelines to Good Practices: Micro-Credentials - MQA 2020*
- iii. *UMK MOOC Development Guide Book 2017*
- iv. Garis Panduan Pembangunan, Penawaran & Pemindahan Kredit MOOC UTM v9
- v. Garis Panduan Pembangunan dan Penyampaian MOOC Malaysia 2017

1.3 PIHAK PELAKSANA GARIS PANDUAN

Secara umumnya, pelaksanaan garis panduan ini diuruskan oleh PKPA UMK dengan kerjasama sepenuhnya oleh Bahagian Pembangunan Akademik (BPA), UMK untuk urusan CTM, Pejabat Bendahari, UMK untuk urusan kewangan, dan Pusat Komputeran dan Informatik (CCI), UMK untuk sokongan teknikal.

Fakulti-fakulti di UMK pula menjadi pemain utama bagi membekalkan kepakaran pelbagai bidang iaitu Pakar Rujuk Kursus – *Subject Matter Expert* (SME) dalam kalangan staf akademik, di samping memastikan kursus/modul yang ditawarkan autentik dan berkualiti, serta memantau kelangsungan kursus/modul dari semasa ke semasa.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 11/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	


BAHAGIAN 2


GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN MOOC DAN MC

Garis panduan ini bertujuan sebagai rujukan kepada *Subject Matter Expert* (SME) dalam membangunkan MOOC dan MC di UMK. Berpandukan garisan panduan ini, MOOC dan MC yang dihasilkan dapat diseragamkan dari aspek susun atur dan kekemasan ke arah penawaran dan pelaksanaan secara lebih berkesan dan berkualiti.

Proses awal sebelum pembangunan dimulakan, pelantikan *Subject Matter Expert* (SME) adalah berdasarkan cadangan Fakulti/Pusat Akademik dengan persetujuan *Subject Matter Expert* (SME) berkenaan. Pihak PKPA akan mengeluarkan surat lantikan setelah *Subject Matter Expert* (SME) mengisi borang persetujuan menyiapkan pembangunan MOOC dan MC, termasuk kesanggupan memantau sepanjang kursus atau modul berlangsung. Sebarang pelanggaran kepada persetujuan yang dinyatakan di dalam borang persetujuan boleh menyebabkan surat lantikan ditarik balik berserta penawaran kursus dan modul ditutup, atau dikeluarkan surat tunjuk sebab.

Subject Matter Expert (SME) perlu mendaftar sendiri akaun di platform MOOC UMK, dan akan diluluskan pendaftaran oleh pihak pengurusan platform dalam masa terdekat. Seterusnya, *Subject Matter Expert* (SME) boleh memasukkan maklumat MOOC dan MC ke platform dengan bantuan pihak pengurusan platform atau semasa bengkel pembangunan dilaksanakan. **Rajah 2.1** menunjukkan antara muka pendaftaran di platform MOOC UMK.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 12/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	



Rajah 2.1 Antara Muka Pendaftaran di Platform MOOC UMK


Hak cipta bagi semua bahan pembelajaran yang dibangunkan bagi MOOC dan MC akan didaftarkan ke Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) di bawah nama *Subject Matter Expert (SME)* dan UMK.

2.1 PROSEDUR PEMBANGUNAN MOOC DAN MC UMK

Subject Matter Expert (SME) dicadangkan untuk mengikut pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan atau *Design and Development Research (DDR)*, iaitu dibahagikan kepada tiga fasa utama 1) fasa analisis, 2) fasa pembangunan, 3) fasa penyelenggaraan.

FASA ANALISIS

Proses awal pembangunan bermula dengan menganalisis kursus yang akan dibangunkan untuk MOOC atau MC. Analisis kursus merangkumi penelitian sumber rujukan dan fail/portfolio kursus, pemilihan dan penyusunan bahan, serta perbincangan dengan penyelaras kursus (jika

 <p>UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</p>	<p>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)</p> <p>UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01</p>	<p>PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 13/58</p>
	<p>GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</p>	

berkaitan). Satu templat khas perlu diisi oleh *Subject Matter Expert* (SME) yang mengandungi tajuk kursus/modul, pemetaan Hasil Pembelajaran Kursus/Modul/Topik (HPK/HPM/HPT) dengan bahan pengajaran dan pembelajaran, aktiviti dan pentaksiran, termasuk *Student Learning Time* (SLT) bagi setiap topik/modul.

FASA PEMBANGUNAN


Dalam fasa ini, *Subject Matter Expert* (SME) perlu menyediakan atau menukarkan bahan *hard copy* ke bentuk elektronik dengan penerapan elemen interaktif dan multimedia. Setiap topik/modul ditetapkan sekurang-kurangnya mempunyai satu video pengenalan dan penerangan, aktiviti interaktif dan pentaksiran yang sesuai (untuk MOOC, pentaksiran boleh diletakkan selepas pembelajaran beberapa topik mengikut HPK yang disasarkan).


Seterusnya, *Subject Matter Expert* (SME) memuat naik semua e-bahan yang telah disediakan dengan reka bentuk mengikut kreativiti masing-masing dengan bantuan dan panduan pihak pengurusan platform MOOC UMK.

FASA PENYELENGGARAAN

Fasa penyelenggaraan yang dimaksudkan ialah proses pemantauan sepanjang berlangsungnya MOOC atau MC di platform oleh *Subject Matter Expert* (SME). Antara tanggungjawab *Subject Matter Expert* (SME) dalam fasa ini, memastikan PdP di platform berjalan lancar. Para pelajar yang menyertai MOOC atau MC perlu dikawal selia dari segi maklum balas pertanyaan atau aktiviti atau pentaksiran (jika berkaitan).

Fasa-fasa ini dapat dijelaskan lagi dalam **Rajah 2.2** yang menerangkan proses urutan pembangunan MOOC dan MC mengikut carta alir.


 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 14/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	




Rajah 2.2 Urutan Pembangunan Mengikut Fasa-Fasa

2.1 REKA BENTUK

Pembangunan MOOC dan MC perlu berasaskan prinsip reka bentuk pengajaran yang mantap. Aliran pengajaran perlu mengikuti Sembilan (9) Kriteria Reka Bentuk Pengajaran Gagne mengikut kesesuaian untuk satu-satu topik dalam **Rajah 2.3**. Setiap pengajaran boleh menggunakan pelbagai atribut media.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 15/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	




Rajah 2.3 Sembilan Kriteria Reka Bentuk Pengajaran Gagne

2.2 ASPEK-ASPEK REKA BENTUK LAIN

Antara aspek-aspek reka bentuk lain yang perlu diikuti adalah seperti berikut:

- i. Menenal pasti hasil pembelajaran kursus, topik dan modul yang sesuai.
- ii. Menyediakan tugas dan aktiviti secara berturutan dalam membina pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diharapkan.
- iii. Memastikan aktiviti pentaksiran sejajar dengan hasil pembelajaran.
- iv. Mampersembahkan bahan pembelajaran yang menyokong kepada pembelajaran aktif.
- v. Membina pengetahuan berasaskan kepada kemahiran berfikir aras tinggi dengan memasukkan unsur analisis, sintesis dan penilaian.


 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 16/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	


- vi. Memastikan keseimbangan antara kehadiran pengurus kursus, interaksi rakan sebaya dan juga cabaran kognitif.
- vii. Menjajarkan aktiviti kepada hasil pembelajaran untuk setiap topik termasuk pengetahuan, kemahiran dan sikap.
- viii. Memastikan video pengenalan membolehkan pelajar mengetahui tentang jangkaan hasil pembelajaran untuk setiap topik.
- ix. Menyediakan pemetaan untuk aktiviti mingguan kepada pelajar.

2.3 KURIKULUM KURSUS

Aspek utama pembangunan kurikulum kursus melibatkan pemetaan Hasil Pembelajaran Kursus (HPK), Hasil Pembelajaran Topik (HPT) atau Hasil Pembelajaran Modul (HPM) dengan kandungan, aktiviti pembelajaran dan pentaksiran. Pemetaan ini membolehkan kesemua kandungan, aktiviti pembelajaran dan pentaksiran yang disediakan sejajar dengan HPT/HPM dan seterusnya HPK. Penjajaran yang baik membolehkan pelajar mencapai HPT/HPM dan HPK yang diharapkan. **Rajah 2.4** menunjukkan penjajaran konstruktif MOOC dan MC yang perlu dipatuhi dalam proses pembangunan.

- i. Pemetaan HPK/HPT/HPM dengan Kandungan/Aktiviti/Pentaksiran.
- ii. Tempoh setiap kursus untuk MOOC perlu dirancang antara 7 minggu pembelajaran minimum dan 14 minggu pembelajaran maksimal.
- iii. Tempoh setiap modul untuk MC mengikut dua pilihan, sama ada mengikut bilangan HPK (3-5 Modul) atau dipecahkan kepada minimum 5 modul dan maksimal 10 modul sahaja.
- iv. Setiap kursus perlu mempunyai HPK (antara tiga hingga lima HPK sahaja).
- v. Setiap topik/modul perlu mengandungi HPT/HPM.


 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 17/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	



Rajah 2.4 Penjajaran Konstruktif dengan Kurikulum Kursus yang Dibangunkan dengan Elemen Pembelajaran Teradun Gantian (40:40:20)

2.4 PEMBANGUNAN BAHAN MOOC DAN MC

Bahan MOOC dan MC perlu dibangunkan mengikut proses pembangunan kandungan pembelajaran teradun gantian (PTG) dengan elemen dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu Video Penerangan (40%), Aktiviti Pengukuhan (40%), dan Pentaksiran (20%). Manakala, bahan-bahan lain seperti podcast, wiki, video sumber luar dan lain-lain juga boleh digunakan sebagai bahan sokongan tambahan.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 18/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

PEMBANGUNAN VIDEO MOOC DAN MC

Video penerangan merupakan bahan utama dalam sesi pembelajaran MOOC dan MC bertujuan memberi kefahaman kepada sesuatu topik/modul yang dibentangkan. Antara yang dicadangkan dalam penghasilan video penerangan ialah:

- i. Rakaman pengajaran
- ii. Animasi untuk konsep-konsep yang kompleks
- iii. Persembahan slaid dengan video dan narasi pengajar
- iv. Latihan/soalan dalam video berbentuk interaktif (sekiranya ada)

Subject Matter Expert (SME) perlu memastikan video ialah asli dan autentik, serta ringkas dan padat mengikut kesesuaian HPT dan *Student Learning Time* (SLT). Bagi mengelakkan video terlalu meleret dan pembelajaran menjadi kaku, dinasihatkan kandungan video hanya mengandungi poin-poin penting berkenaan topik.


Video penerangan yang mempunyai tempoh masa yang panjang perlu dipecahkan kepada segmen-segmen kecil untuk menarik minat pelajar dan memudahkan mereka mengulang dan melihat kembali kandungan topik yang dibentangkan.

Dalam memastikan hal ini dipatuhi, tempoh video yang dicadangkan ialah sekitar 5 hingga 10 minit iaitu bersamaan dengan 30 minit hingga 1 jam SLT. Formula pengiraan tempoh video ini dijelaskan lagi melalui contoh berikut:

1 topik/modul = 2-3 jam SLT (bergantung kepada jam kredit)

10 minit video = 1 jam SLT


Baki jam SLT perlu dilengkapi dengan aktiviti pengukuhan dan pentaksiran

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 19/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

Panduan dan amalan terbaik dalam pengiraan SLT bagi sesuatu aktiviti dan pentaksiran boleh dirujuk dalam **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1 Panduan Pengiraan SLT bagi Kandungan Dalam Talian

Aktiviti	Cadangan Pengiraan SLT
Slaid pembentangan pembelajaran (PowerPoint, Interaktif Slide)	5 minit masa diperuntukkan untuk bacaan satu-satu slaid/skrin. 18 slaid = 1.5 jam SLT
Video, audio, animasi dan simulasi (aktiviti berasaskan bahan multimedia)	Setiap minit bahan media diperuntukkan 2 minit untuk ditonton/didengar. 10 minit bahan media = 20 minit SLT Untuk video penerangan kepada satu-satu topik, pengiraan SLT ialah 10 minit video = 1 jam SLT sebagaimana telah diterangkan sebelum ini.
Ujian/Kuiz (dalam talian)	Tempoh 1 jam ujian/kuiz dalam talian diperuntukkan 3-4 jam SLT dan mengikut tahap kesukaran soalan.
Aktiviti dipandu (tugasan, forum, interaksi dalam talian)	Tempoh 1 jam aktiviti dipandu seperti ini diperuntukkan 1-2 jam SLT.
Tugasan bertulis (2000 patah perkataan)	Mengikut tahap kesukaran, antara 10-12 jam SLT.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 20/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

PEMBANGUNAN AKTIVITI MOOC DAN MC

Aktiviti yang disediakan bertujuan mendapatkan maklum balas langsung daripada pelajar setelah pembelajaran melalui video penerangan. Bentuk-bentuk aktiviti yang dicadangkan adalah sebagaimana berikut:

- i. Papan forum/Chat.
- ii. Aplikasi Webtools (H5P, Quizizz, Quizlet, Padlets dan lain-lain).
- iii. Laman web luar menggunakan iframe (perlu ada maklum balas).


Aktiviti yang dimuat naik ke platform MOOC perlu ada interaksi pelajar dan pengajar. Contoh perbincangan di Papan Forum; perbincangan boleh dipecahkan kepada sub-perbincangan dengan menggunakan papan forum yang berbeza-beza dengan ahli-ahli dalam kumpulan kecil untuk membincangkan topik. Para pelajar boleh menghantar respons kepada topik perbincangan atau membalas respons pelajar lain atau respons pengajar sendiri.

Subject Matter Expert (SME) perlu memastikan aktiviti yang dilaksanakan menjawab HPT bagi topik berkenaan dan mengikut peruntukan SLT pada minggu tersebut.

REKA BENTUK PENTAKSIRAN

Pentaksiran dibahagikan kepada dua iaitu formatif dan sumatif. Dalam pembangunan MOOC dan MC, setiap topik/modul perlu mempunyai pentaksiran formatif dan kebiasaannya untuk mengukur pencapaian HPK di akhir kursus, pentaksiran sumatif digunakan. Reka bentuk pentaksiran perlu ditentukan dengan teliti bagi memastikan penjajaran konstruktif antara HPK, topik/modul dan aktiviti.

Subject Matter Expert (SME) perlu memasukkan pentaksiran formatif (boleh diterapkan dalam aktiviti) dan pentaksiran sumatif bagi setiap modul MC. Manakala bagi kursus MOOC, setiap kursus perlu ada pentaksiran formatif sama ada diterapkan sekali dalam aktiviti atau secara berasingan, dan pentaksiran sumatif diletakkan bagi menilai HPK kursus (setelah selesai mempelajari kesemua topik berkaitan HPK berkenaan).

	<p>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)</p> <p>UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01</p>	<p>PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 21/58</p>
	<p>GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</p>	

Pentaksiran formatif ialah pentaksiran berbentuk pengukuhan dan tidak memerlukan sebarang rekod markah. Oleh itu, reka bentuk pentaksiran ini lebih terbuka dan fleksibel. Penggunaan pentaksiran alternatif seperti aplikasi *webtools*, forum, latihan dari *website* luar dan lain-lain adalah sangat digalakkan. Antara aplikasi berikut ialah seperti di **Rajah 2.5**.




Rajah 2.5 Aplikasi Webtools untuk Pentaksiran

Pentaksiran sumatif perlu disediakan markah untuk menilai tahap pencapaian kursus/modul sehingga melayakkan peserta mendapatkan sijil tamat kursus atau lencana modul. Antara yang dicadangkan adalah menggunakan fungsi *Quiz* dan *Assignment* yang sedia ada di platform MOOC UMK.

BAHAN SOKONGAN TAMBAHAN

Kepelbagaian bentuk kandungan ini boleh meningkatkan minat pelajar untuk mengikuti bahan pembelajaran. Selain daripada video penerangan dan aktiviti, dicadangkan *Subject Matter Expert* (SME) menyediakan juga bahan sokongan tambahan yang pelbagai, seperti:

- i. *Podcast*

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 22/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

- ii. *Powerpoint/Keynote Presentation*
- iii. *Interactive Content* dan permainan
- iv. Wiki/Blog
- v. Video sedia ada dari Youtube (perlu dikreditkan kepada empunya)
- vi. Bahan bacaan tambahan (ppt, doc, pdf, html)


Setiap topik perlu mempunyai bahan bacaan tambahan. Bahan bacaan tambahan ini boleh dikaitkan dengan aktiviti pembelajaran yang disediakan dalam kandungan dan pentaksiran. Ini untuk memastikan pelajar membaca bahan bacaan tambahan yang disediakan. Bahan bacaan tambahan perlu dipilih dengan teliti supaya ia boleh memberikan pelajar perspektif yang berbeza terhadap topik yang dibincangkan.


2.5 JAMINAN KUALITI

PKPA akan memastikan proses semakan bagi menjamin kualiti MOOC dan MC yang dibangunkan sebelum dibenarkan untuk diterbitkan kepada awam. Proses jaminan ini akan diterangkan dalam Garis Panduan Jaminan Kualiti MOOC dan MC secara lebih terperinci di bahagian 5.0.

2.6 GARIS MASA (TIMELINE)

Pembangunan MOOC dan MC berlaku selari dengan siri bengkel yang akan diadakan secara berkala anjuran PKPA dengan menjemput fasilitator-fasilitator berpengalaman dari fakulti-fakulti. Mereka bertanggungjawab memberi tunjuk ajar dan membantu secara *hands on* sepanjang proses pembangunan dan teknikal. Jangkaan garis masa pembangunan ini dijelaskan dalam **Rajah 2.6**.


 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 23/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	



Rajah 2.6 Garis Masa Proses Pembangunan MOOC dan MC

2.7 UJIAN RINTIS (PILOT TEST)

MOOC dan MCR yang telah tersedia dan telah lulus dalam semakan jaminan kualiti akan dilaksanakan uji lari atau ujian rintis bagi memastikan tiada isu dan permasalahan ketika berlangsung. Ujian rintis ini biasanya akan melibatkan sekumpulan pelajar mengikut cadangan *Subject Matter Expert (SME)*, dan *Subject Matter Expert (SME)* perlu mendapatkan maklum balas dari ujian rintis tersebut, dan sekiranya terdapat cadangan/komen, penambahbaikan perlu dilakukan segera. Laporan berkenaan hal ini perlu dimaklumkan kepada pihak PKPA sebelum dibuka penyertaan.


 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 24/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

2.8 HAK CIPTA

Subject Matter Expert (SME) perlu mengambil tanggungjawab mendaftar hak cipta di MyIPO melalui PKPA untuk memastikan kandungan MOOC dan MC yang dihasilkan terpelihara daripada isu-isu berbangkit (dicuri oleh pihak luar). Walau bagaimanapun, sebelum mendaftar setiap kandungan yang digunakan perlu mematuhi garis panduan hak cipta. PKPA akan membantu proses pendaftaran jika *Subject Matter Expert* (SME) memberi kerjasama sepanjang proses yang diperlukan. Hak cipta kandungan adalah milik *Subject Matter Expert* (SME) dan UMK.

2.9 CARTA ALIR PEMBANGUNAN MOOC DAN MC


Prosedur pembangunan MOOC dan MC dapat diringkaskan melalui carta alir seperti di **Rajah 2.7** yang menunjukkan proses mula dari penentuan *Subject Matter Expert* (SME) dan kursus sehingga muat naik draf ke platform MOOC UMK.



Rajah 2.6 Urutan Pembangunan Mengikut Fasa-Fasa

2.11 PERANAN SUBJECT MATTER EXPERT (SME)

Subject Matter Expert (SME) digalakkan untuk membangunkan MOOC dan MC dengan mengutamakan bidang tujahan UMK iaitu Keusahawanan dan bidang-bidang lain mengikut cadangan fakulti dan syor dari PKPA. Para pensyarah yang mempunyai kepakaran tertentu sangat digalakkan untuk mencalonkan diri bagi membangunkan MOOC atau MC untuk pembelajaran sepanjang hayat (*Life Long Learning*), peningkatan kemahiran sendiri dan pembangunan profesional.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 26/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

Senarai kursus yang akan ditawarkan secara MOOC dan MCR di UMK perlu disemak supaya tiada pertindihan kursus yang sama di platform UMK-MOOC. Bagi membangunkan MOOC dan MCR, *Subject Matter Expert* (SME) hendaklah menghadiri bengkel pembangunan MOOC dan MCR anjuran pihak PKPA.


Pelantikan sebagai *Subject Matter Expert* (SME) hanya akan diberikan setelah *Subject Matter Expert* (SME) mengisi borang aku janji untuk kesanggupan menyiapkan pembangunan berserta pemantauan sepanjang kursus/modul ditawarkan. Kegagalan mematuhi hal ini, *Subject Matter Expert* (SME) boleh dikenakan tindakan tatatertib (surat tunjuk sebab).

Subject Matter Expert (SME) perlu melaksanakan penilaian sendiri terhadap MOOC dan MCR yang telah dibangunkan bagi mengenal pasti perkembangan pembangunan MOOC dan MCR. Ketua pasukan pembangun MOOC perlu mengadakan mesyuarat secara berkala untuk memastikan semua aktiviti pembangunan berjalan dengan lancar dan mengikut garis masa (*timeline*) yang telah ditetapkan.


2.12 PERANAN PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK (PKPA UMK)

PKPA bertanggungjawab merekodkan MOOC dan MC yang telah dibangunkan di UMK. Sokongan teknikal bagi platform UMK-MOOC juga adalah di bawah tanggungjawab PKPA melalui lantikan khas dalam kalangan *Team* Teknikal Platform e-Pembelajaran dari CCI, fakulti dan PKPA sendiri.

Pihak PKPA perlu menyediakan bengkel pembangunan MOOC dan MC secara berkala sehingga proses pembangunan siap dan lengkap. Pada masa yang sama, pihak PKPA turut bertanggungjawab memberi sokongan kepakaran kepada *Subject Matter Expert* (SME) semasa pembangunan MOOC dan MC.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 27/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

Di samping itu, pihak PKPA perlu melantik Jawatankuasa Khas MOOC dan MC yang berperanan menyelaras dan membantu proses pembangunan sehingga selesai dan proses penawaran MOOC dan MC dibuka akses sehingga selesai penawaran.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 28/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

BAHAGIAN 3 :


GARIS PANDUAN PENAWARAN MOOC DAN MC


Garis panduan ini bertujuan menjelaskan prosedur penawaran MOOC dan MC di UMK setelah selesai proses pembangunan. Prosedur penawaran melibatkan carta alir proses berlangsung dari awal MOOC dan MC dibuka pendaftaran sehingga tamat kursus/modul.

Prosedur penawaran ini perlu dipatuhi bagi memastikan kelancaran MOOC dan MC di platform MOOC UMK terutama apabila kursus/modul telah bermula dan peserta juga telah mendaftar ke dalam kursus/modul berkenaan. Kualiti penawaran MOOC dan MC akan semakin meningkat daripada kepatuhan prosedur dan menjamin penyertaan yang lebih aktif pada tahap optimum.

3.1 PROSEDUR PENAWARAN MOOC DAN MC

Kursus MOOC dan modul MC dibuka untuk pendaftaran dalam platform MOOC UMK dengan senarai tajuk yang telah ditetapkan. Peserta dalam kalangan pelajar UMK dan pelajar luar boleh mula mendaftar akaun, dan seterusnya menyertai kursus/modul yang diingini di platform MOOC UMK. Pendaftaran akaun perlu mendapat kelulusan dari pihak teknikal MOOC UMK. **Rajah 3.1** menunjukkan carta alir prosedur penawaran kursus.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 29/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	




Rajah 3.1 Carta Alir Prosedur Penawaran MOOC dan MC

Dalam **Rajah 3.1**, penawaran dimulakan dengan pembukaan kursus/modul di platform MOOC UMK, di samping pendaftaran akaun oleh peserta. Proses kelulusan pendaftaran akan dilakukan dalam masa 24 jam. Bagi peserta yang memilih MOOC, tempoh pembelajaran ialah 7-14 minggu mengikut ketetapan sesuatu kursus. Setelah selesai lengkap satu kursus MOOC, peserta akan diberikan sijil tamat kursus.

Manakala bagi peserta yang menyertai MC sama ada modul berasaskan topik pilihan (antara 6-10 modul), atau modul berasaskan bilangan HPK (antara 3-5 modul), tempoh pembelajaran satu-satu modul lebih singkat. Peserta yang tamat satu-satu modul akan dikurniakan lencana modul berkenaan, dan setelah berjaya mengumpulkan kesemua lencana, yang menandakan semua modul (bersamaan satu kursus) telah berjaya ditamatkan, sijil tamat kursus juga akan diperolehi.

Sijil tamat kursus boleh digunakan untuk memohon pindah kredit MOOC dengan melalui beberapa prosedur lain yang akan diterangkan dalam Garis Panduan Pindah Kredit MOOC.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 30/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

3.2 PERANAN SUBJECT MATTER EXPERT (SME)


Subject Matter Expert (SME) perlu menyediakan lencana tamat modul untuk MC dan mendapatkan reka bentuk sijil tamat kursus MOOC daripada pihak PKPA. Sijil dan lencana perlu di set ketetapan di platform MOOC UMK supaya peserta akan mendapatkan sijil/lencana setelah selesai melaksanakan pembelajaran. Set ketetapan ini perlu dilakukan oleh *Subject Matter Expert* (SME) dengan bantuan dan tunjuk ajar pihak pengurusan platform MOOC dari PKPA.

3.3 PERANAN PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK (PKPA UMK)

PKPA UMK perlu mereka bentuk sijil tamat kursus MOOC dengan memastikan ciri-ciri keselamatan untuk pengesahan, antaranya; *QR-Code* (Kod Pengesahan Sijil) dan tandatangan individu yang meluluskan sijil tersebut. Di samping itu, PKPA UMK melalui fasilitator lantikan perlu membantu *Subject Matter Expert* (SME) dari segi set ketetapan bagi penganugerahan sijil/lencana secara automatik.

3.4 PERANAN PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) ATAU FAKULTI

PTJ atau Fakulti perlu melaksanakan pemantauan dalam proses pembangunan MOOC atau MC sehingga selesai ditawarkan di MOOC UMK. PTJ atau Fakulti perlu membantu dalam promosi kursus-kursus MOOC dan MC yang ditawarkan.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 31/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	


3.5 PERANAN BENDAHARI

Bendahari UMK berperanan sebagai PTJ yang menguruskan penerimaan bayaran pelajar yang mendaftar masuk ke dalam kursus MOOC dan MC UMK serta proses pengagihan kepada pihak yang terlibat. Kadar bayaran kursus MOOC dan MC adalah ditetapkan oleh *Subject Matter Expert* (SME) sendiri dengan persetujuan fakulti, PKPA dan UMK. Kadar pengagihan bayaran adalah pada nisbah 70:30 seperti dalam **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1 Kadar Pengagihan Bayaran MOOC dan MC

MOOC/ MC	Agihan <i>Subject Matter Expert</i> (SME)	Agihan Fakulti (Penawar MOOC)	Agihan Penyedia Platform MOOC/ MC	Agihan Universiti
MOOC (mengikut enrollment seorang pelajar)	70%	10%	10%	10%
MC (mengikut enrollment seorang pelajar)	70%	10%	10%	10%

*Tertakluk kepada perubahan mengikut kelulusan UMK.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 32/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

BAHAGIAN 4 :


GARIS PANDUAN PINDAH KREDIT MOOC UMK (CTM UMK)

Garis panduan pindah kredit MOOC ini bertujuan memberikan panduan umum kepada semua IPT untuk mengiktiraf pelajar dan bakal pelajar yang telah menamatkan kursus secara MOOC. Garis panduan ini berdasarkan prinsip pengiktirafan pembelajaran terdahulu dan seiring dengan anjakan ke-9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) 2015-2025 iaitu inisiatif pembelajaran atas talian secara global.


Dalam *Credit Transfer MOOC (CTM)*, pihak MQA telah mengeluarkan kenyataan bahawa pihak universiti masing-masing boleh menganugerahkan *Credit Transfer MOOC (CTM)* kepada para pelajar yang telah mengikuti kursus MOOC yang telah dikenal pasti tanpa perlu mewujudkan pusat APEL(C) di institusi masing-masing terlebih dahulu. Kelulusan ini bergantung kepada kelulusan Senat universiti masing-masing.

CTM UMK hanya memberikan nilai kredit untuk tujuan pengijazahan tanpa memberi kesan kepada pengiraan purata nilai gred semester (PNGS) dan purata nilai gred kumulatif (PNGK). Kredit CTM UMK ini akan dikira sebagai kredit dapat (KD) untuk tujuan pengijazahan sahaja.

CTM UMK boleh dilakukan sebagai tambahan kepada pemindahan kredit tanpa gred secara menegak atau secara melintang yang telah diguna pakai dalam sistem peraturan akademik UMK. Sebagai contoh, untuk kes pemindahan kredit tanpa gred secara menegak, pelajar lepasan Diploma layak memohon pemindahan kredit secara menegak di UMK sebanyak maksimal 30% apabila menyambung pengajian ke peringkat ijazah. Pelajar ini juga layak untuk memohon mendapatkan tambahan pemindahan kredit sebanyak 30% lagi melalui *Credit Transfer MOOC (CTM)*. Ini menjadikan secara keseluruhannya, pelajar tersebut layak memohon sebanyak 60% pemindahan kredit untuk pengajian pelajar tersebut di peringkat ijazah.


 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 33/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

Jumlah had kredit maksimal untuk CTM untuk semua peringkat Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) adalah seperti dalam **Jadual 4.1**.


 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 34/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

Jadual 4.1 Had Maksimal Pindah Kredit MOOC (CTM) mengikut peringkat kelayakan MQF

Peringkat Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)		Nilai kredit untuk Pengijazahan	Had maksimal 30 % daripada jumlah nilai kredit untuk pengijazahan bagi sesuatu program (kebiasaan)	Had maksima 30 % daripada jumlah nilai kredit untuk pengijazahan bagi sesuatu program (dari kursus MOOC)	Jumlah kredit pindah yang dibenarkan (kebiasaan + MOOC)
1	PhD (Secara Kerja Kursus atau Mod Campuran) DIT/Doctor of Engineering	Berdasarkan jumlah kredit yang diluluskan ATAU 80	24	24	48
2	Sarjana (Secara Kerja Kursus atau Mod Campuran)	40	12	12	24
	Diploma Pascasiswazah	30	9	9	18
	Sijil Pascasiswazah	20	6	6	12
3	Sarjana Muda	120	36	36	72
	Diploma Lepas Ijazah	60 + 6 (MPU**)	20	20	40
	Sijil Lepas Ijazah	30 + 6 (MPU**)	11	11	22
4	Diploma Lanjutan	40	12	12	24
5	Diploma	90	27	27	54
6	Sijil	60	18	18	36

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 35/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

Para pelajar dan calon pelajar UMK yang telah mengikuti kursus dan memperoleh sijil tamat kursus MOOC (*certificate of completion*) layak untuk memohon *Credit Transfer MOOC (CTM)* sama ada secara menegak ataupun secara melintang dalam program yang diikuti oleh mereka di UMK.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 36/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

4.1 SYARAT AM KELAYAKAN *CREDIT TRANSFER MOOC (CTM)*

Pihak UMK berhak menentukan kursus-kursus MOOC yang sesuai dari MOOC Malaysia (MyMOOC) atau dari MOOC yang lain untuk tujuan CTM di UMK. Senarai kursus-kursus MOOC yang diiktiraf akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Kursus-kursus yang dibenarkan CTM adalah tertakluk kepada kursus-kursus yang wujud dalam program-program pengajian yang ditawarkan di UMK yang telah mendapat akreditasi dari pihak MQA sahaja.


Kursus yang telah diberikan status CTM hanya memberikan nilai kredit untuk tujuan pengijazahan tanpa memberi kesan kepada pengiraan purata nilai gred (GPA) dan purata nilai gred kumulatif (CGPA). Kredit yang akan dikira adalah sebagai kredit dapat (KD) untuk tujuan pengijazahan.

Kursus-kursus untuk program pengajian yang memerlukan pengiktirafan badan profesional seperti Lembaga Teknologi Malaysia (MBOT), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) boleh diberikan CTM setelah mendapat kelulusan daripada pihak badan profesional yang terlibat.

Kredit pindah yang diberikan untuk kursus melalui CTM hendaklah sesuai dengan nilai kredit kursus yang ingin dipohon di fakulti. Tiada pindah kredit dibenarkan untuk separuh kredit bagi satu kursus. CTM tidak dibenarkan untuk kursus-kursus seperti amali/ bengkel / latihan industri/ praktikal/ projek tahun akhir/ disertasi/ tesis.

CTM yang diberikan boleh berdasarkan hasil pembelajaran kursus (CLO) oleh satu kursus MOOC atau kombinasi hasil pembelajaran kursus (CLO) beberapa kursus MOOC yang telah diikuti untuk melengkapkan kredit satu kursus di Fakulti dan tertakluk kepada markah minimum yang diperolehi dalam pentaksiran kursus MOOC tersebut dan ujian kompetensi MOOC.

Dalam kes CTM yang dipohon melalui kombinasi beberapa kursus MOOC, markah purata akan ditentukan oleh pihak UMK dan keputusan muktamad adalah dari pihak UMK.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 37/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

Pelajar UMK dikehendaki mengikuti kursus MOOC melalui MOOC Malaysia (MyMOOC) atau MOOC yang lain sehingga mendapat sijil tamat MOOC (*certificate of completion*) sebelum memohon CTM di UMK. Tiada sesi bersemuka akan diadakan.

Setelah menerima sijil tamat MOOC yang diikuti, pelajar UMK atau calon pelajar dikehendaki mendaftar dalam sistem dalam talian (*online*) CTM UMK untuk menduduki ujian kompetensi MOOC sama ada di UMK atau di pusat-pusat ujian yang dipilih.


Sijil tamat MOOC (*certificate of completion*) yang diperolehi dari platform MOOC Malaysia (MyMOOC) atau MOOC yang lain hanya sah selama tiga (3) tahun dari tarikh sijil tersebut diperolehi untuk membolehkan pemiliknya menduduki ujian kompetensi MOOC di UMK atau pusat-pusat ujian yang dipilih.

Ujian kompetensi MOOC boleh diadakan dalam pelbagai cara dan tidak tertakluk kepada ujian bertulis sahaja. Ujian kompetensi MOOC boleh berbentuk ujian kemahiran dan/atau gabungan dengan ujian bertulis.

Pelajar/Pemohon yang telah mempunyai sijil tamat MOOC (*certificate of completion*) perlu melakukan pendaftaran dalam sistem dalam talian CTM UMK untuk menduduki ujian kompetensi MOOC. Pelajar/pemohon juga dikehendaki melakukan pembayaran secara dalam talian mengikut caj cadangan seperti dalam **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2 Cadangan Caj Bayaran untuk Ujian Kompetensi MOOC

Jenis Pemohon	Warganegara Pemohon	Bayaran per kredit kursus MOOC UMK	Bayaran per kredit kursus MOOC selain UMK
Pelajar UMK	Malaysia	RM 20.00 /kredit	Bergantung kepada kadar bayaran yang ditetapkan oleh penyedia MOOC lain.
	Antarabangsa	RM 40.00 /kredit	
Bukan pelajar UMK	Malaysia	RM 30.00 /kredit	
	Antarabangsa	RM 60.00 /kredit	

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 38/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

Rayuan semak semula keputusan Ujian Kompetensi MOOC	Malaysia	RM 50.00	
	Antarabangsa		

*Tertakluk kepada perubahan mengikut kelulusan UMK.

Ujian kompetensi MOOC UMK akan diadakan secara berkala (sekurang-kurangnya tiga (3) kali) mengikut kalendar sistem akademik pada setiap sesi. Setiap pemohon akan mencetak slip menduduki ujian dan menghadirkan diri pada masa dan tarikh ujian kompetensi mengikut pusat-pusat ujian yang telah dipilih.


CTM dianugerahkan kepada kursus yang sama dengan kursus yang ditawarkan dalam program di UMK sahaja (minimum 80% sama) dan tertakluk kepada prestasi pelajar dan calon pelajar dalam pentaksiran kursus MOOC yang diikuti dan markah ujian kompetensi MOOC. Pelajar akan mengetahui keputusan ujian kompetensi MOOC daripada sistem CTM UMK.

Markah minimum yang dicadangkan untuk layak diberikan CTM adalah seperti dalam **Jadual 4.3**. Sebarang perubahan tertakluk kepada kelulusan Senat. Keputusan pelajar yang melepasi markah minimum layak CTM dan memperoleh sijil lulus MOOC (*pass certificate*) akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Peperiksaan UMK untuk pengesahan bagi setiap sesi akademik.

Jadual 4.3 Cadangan Agihan Markah Mengikut Kelompok Kursus Tujuan CTM

Jenis kelompok kursus	Markah dari Pentaksiran MOOC	Markah dari ujian kompetensi MOOC	Markah minimum untuk layak CTM (campuran markah pentaksiran MOOC dan markah Ujian Kompetensi MOOC)
Sains Sosial	60%	40%	55%*
Sains Tulen	50%	50%	55%*

*Markah minimum untuk layak CTM perlu dirujuk dan mengikut ketetapan dalam Peraturan Akademik UMK (markah minimum layak pindah kredit (C+)).

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 39/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

Pelajar boleh mencetak sijil lulus MOOC (*pass certificate*) daripada sistem CTM UMK dan menyerahkannya bersama-sama borang permohonan pindah kredit sedia ada di fakulti masing-masing.

Sekiranya pelajar gagal mencapai markah minimum untuk CTM, pelajar mempunyai dua (2) pilihan sama ada ingin mengambil ujian kompetensi MOOC semula atau memanjangkan rayuan penyemakan kertas ujian. Yuran untuk kedua-dua pilihan adalah seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 4.2**.


Kursus MOOC yang diambil hanya dibenarkan dipindah kredit secara CTM (akan direkod dalam transkrip di bahagian status) hanya sekali sahaja untuk satu kursus bagi sesuatu program. Pemohon perlu membuat pengesahan yang menyatakan bahawa dirinya tidak pernah memohon pindah kredit bagi sijil tamat MOOC (*certificate of completion*) yang telah diperolehinya.

Pelajar boleh memohon CTM pada setiap semester lazim akademik dengan mengemukakan sijil lulus MOOC (*pass certificate*) pada minggu pendaftaran semester lazim setiap sesi akademik dan mengisi borang pindah kredit tanpa gred yang sedia ada.

Keputusan pindah kredit yang berjaya CTM akan dimasukkan dalam transkrip akademik pelajar. Pelajar yang telah gagal mana-mana kursus wajib, teras program dan teras kursus yang telah diambil secara bersemuka tidak dibenarkan mengambil kursus yang sama melalui MOOC untuk tujuan CTM.

Penasihat akademik (PA) pelajar dikehendaki menasihati pelajar semasa pertemuan bersama pelajar di bawah penasihatnya. Namun untuk kursus-kursus berbentuk elektif, pelajar boleh memohon CTM sekiranya telah menerima sijil lulus MOOC untuk kursus-kursus elektif yang sesuai.

Untuk program pasca siswazah, CTM boleh diberikan kepada program pengajian yang berbentuk mod secara kerja kursus, mod campuran, dan mod penyelidikan yang mempunyai kursus tambahan berkredit.


 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 40/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

4.2 CADANGAN DAN SKOP PELAKSANAAN

Terdapat lima (5) kategori pemohon CTM seperti dalam **Jadual 4.4**. Oleh sebab yuran akademik yang dikenakan kepada pelajar UMK adalah secara sekaligus (*lump sum*) pada semester lazim, dicadangkan dua kaedah pelaksanaan mengikut semester iaitu **semester lazim** dan **semester khas**.

Jadual 4.4 Kategori Pemohon CTM di UMK

Kategori	Kes
A	Pelajar UMK termasuk pelajar antarabangsa mengambil kursus MOOC yang ditawarkan oleh UMK dan memohon CTM di UMK. Pelajar kategori ini mengambil Ujian Kompetensi MOOC untuk memohon CTM.
B	Pelajar UMK termasuk pelajar antarabangsa mengambil kursus MOOC yang ditawarkan oleh penyedia kursus MOOC selain UMK dan pelajar ini memohon CTM di UMK.
C	Calon pelajar UMK termasuk calon pelajar dari luar negara, mengambil kursus MOOC UMK dan memohon CTM di UMK setelah mendaftar sebagai pelajar UMK secara sah.
D	Calon pelajar UMK termasuk calon pelajar dari luar negara, mengambil kursus MOOC dari penyedia MOOC selain UMK dan memohon CTM di UMK setelah mendaftar sebagai pelajar UMK secara sah.
E	Calon pelajar termasuk calon pelajar dari luar negara yang mengambil kursus MOOC UMK dan memohon CTM di IPT lain setelah mendaftar di IPT tersebut.
F	Calon pelajar luar UMK termasuk pelajar luar antarabangsa yang mengambil MOOC UMK, mengambil ujian kompetensi MOOC di Pusat Ujian Kompetensi MOOC berdekatan IPT dan memohon CTM di IPT masing-masing.
G	Pelajar UMK termasuk pelajar antarabangsa yang mengambil kursus MOOC yang ditawarkan oleh UMK. Pelajar kategori ini mengambil Ujian Kompetensi MOOC sebagai Peperiksaan Akhir.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 41/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

4.2.1 SEMESTER LAZIM (SEMESTER 1 DAN 2)

i. Pelaksanaan untuk kategori pemohon CTM A dan B.

Pelajar UMK sedia ada tidak akan dikenakan bayaran tambahan yuran semester akademik lazim. Namun begitu, pelajar dikehendaki melakukan pembayaran untuk menduduki ujian kompetensi MOOC seperti dalam **Jadual 4.2**.

Pelajar dikehendaki mendaftar CTM dalam sistem CTM UMK selewat-lewatnya sehingga minggu ke-8 semester akademik lazim untuk menduduki ujian kompetensi MOOC pada minggu ke-19 kalendar akademik.


Sekiranya tidak mencapai markah minimum, pelajar boleh mengemukakan rayuan untuk menyemak keputusan ujian kompetensi MOOC kepada pihak UMK atau mengambil semula ujian kompetensi MOOC dengan mengemukakan bayaran seperti dalam **Jadual 4.2**.

ii. Pelaksanaan untuk kategori pemohon CTM C, D dan E.

Pemohon yang telah mempunyai sijil tamat MOOC yang masih sah dikehendaki mendaftar dalam sistem CTM UMK dan melakukan pembayaran untuk menduduki ujian kompetensi MOOC pada minggu ke-19 semester sesi akademik UMK. Jumlah yuran yang perlu dibayar adalah seperti dalam **Jadual 4.2**.

Pemohon boleh mendaftar CTM dalam sistem CTM UMK selewat-lewatnya sehingga minggu ke-8 semester akademik UMK dan memilih pusat ujian kompetensi MOOC yang dikehendaki.


Untuk pemohon kategori E, ujian kompetensi MOOC untuk memohon CTM di IPT lain hanya ditawarkan setelah pihak UMK mempunyai kerjasama dengan IPT tersebut.


 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 42/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

4.2.2 SEMESTER KHAS

Pelaksanaan untuk semester khas bagi kategori pemohon CTM A, B, C, D dan E adalah seperti berikut:


- i. Pelajar/pemohon mendaftar dan mengikuti kursus MOOC yang telah dikenalpasti dan menamatkan kursus MOOC tersebut sehingga memperolehi sijil tamat MOOC (*certificate of completion*). Tiada sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) bersemuka diadakan dan sijil tamat MOOC (*certificate of completion*) ini sah selama tiga tahun daripada tarikh sijil dikeluarkan untuk digunakan sebagai syarat memohon menduduki ujian kompetensi MOOC.
- ii. Setelah mendapat sijil tamat MOOC (*certificate of completion*), pelajar/pemohon boleh mendaftar dalam sistem CTM UMK selewat-lewatnya sehingga minggu ke-4 semester khas akademik untuk menduduki ujian kompetensi MOOC pada minggu ke-9 mengikut pusat ujian kompetensi MOOC yang dipilih.
- iii. Pelajar/pemohon dikehendaki membayar yuran ujian menduduki ujian kompetensi MOOC seperti dalam Jadual 4.2 secara dalam talian dalam sistem CTM UMK.
- iv. Calon pelajar UMK kategori C dan D hendaklah mengemukakan sijil lulus MOOC (*pass certificate*) yang dicetak dari sistem CTM UMK untuk mendapatkan CTM semasa mendaftar sebagai pelajar UMK. Sijil ini perlu dikepilkan bersama borang pindah kredit kursus sedia ada di fakulti.
- v. Pelajar UMK kategori A dan B yang lulus dikehendaki mengemukakan sijil lulus MOOC (*pass certificate*) untuk memohon CTM untuk kursus yang berkaitan semasa minggu pendaftaran semester lazim. Sijil ini perlu dikepilkan bersama borang pindah kredit kursus sedia ada di fakulti.
- vi. Pemohon CTM kategori E hendaklah memastikan IPT yang di pohonnya untuk mendaftar sebagai pelajar menerimapakai sijil lulus MOOC (*pass certificate*) untuk tujuan CTM di IPT tersebut sebelum memohon pindah kredit.

 <p>UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</p>	<p>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)</p> <p>UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01</p>	<p>PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 43/58</p>
	<p>GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</p>	

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 44/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

4.3 PROSES KERJA PINDAH KREDIT MOOC (PKM) MENGIKUT MQA


Proses CTM di UMK yang dicadangkan adalah mengikut proses CTM yang dikeluarkan oleh pihak MQA. Proses CTM di UMK dijelaskan dalam carta alir di **Rajah 4.1**.



Rajah 4.1 Carta Alir Permohonan Pindah Kredit MOOC di UMK

4.4 PERANAN BAHAGIAN PENTADBIRAN AKADEMIK (BPA) DAN PERUBAHAN SISTEM MAKLUMAT PELAJAR UMK

Bahagian Pentadbiran Akademik (BPA) dengan kerjasama Pusat Komputeran dan Informatik (CCI) dimohon untuk membangunkan satu sistem dalam talian yang dinamakan sistem *Credit*

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 45/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

Transfer MOOC (CTM) UMK. Sistem ini akan digunakan untuk mendaftar pelajar/pemohon yang hendak menduduki ujian kompetensi MOOC di UMK atau di pusat-pusat ujian kompetensi MOOC yang dipilih oleh pelajar. Sistem ini juga akan menyediakan kemudahan pembayaran yuran ujian kompetensi MOOC secara dalam talian.

Calon yang mengambil ujian kompetensi MOOC akan mencetak slip menduduki ujian dari sistem CTM UMK. Slip ini mengandungi maklumat calon seperti nama calon, nombor kad pengenalan/pasport, nama kursus MOOC, angka giliran, nombor meja, tarikh, masa dan tempat ujian dijalankan.

Sistem CTM UMK akan mengeluarkan senarai nama pelajar/pemohon yang telah lulus MOOC dan mendapat sijil lulus MOOC (*pass certificate*) untuk pengesahan Senat.

Pelajar/pemohon boleh mengetahui keputusan ujian kompetensi MOOC secara dalam talian. Sijil lulus MOOC (*pass certificate*) juga boleh dicetak melalui sistem CTM UMK ini.


BPA dimohon untuk meletakkan status CTM pada transkrip akademik pelajar UMK apabila pelajar ini telah diluluskan oleh pihak fakulti/pusat untuk mendapat CTM untuk kursus yang dipohon pindah kredit tanpa gred.

4.5 AGIHAN PEROLEHAN HASIL DARIPADA CTM

Agihan Pendapatan: Yuran ujian kompetensi MOOC yang dikutip hendaklah diagihkan kepada entiti-entiti yang berkaitan. Cadangan agihan bayaran sebagaimana tertera dalam **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5 Cadangan Agihan Bayaran Hasil CTM

Jenis Yuran	Kategori Pelajar	Entiti	Peratus
Yuran Ujian Kompetensi MOOC	A, B, C	Penyedia Platform (UMK/PKPA)	15%
		Pusat Ujian (UMK)	10%
		IPT Penyedia MOOC (UMK/ Fakulti)	40%


 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 46/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

		IPT Penerima Pelajar (UMK)	35%
	D	Penyedia Platform (UMK/PKPA)	15%
		Pusat Ujian (UMK)	10%
		IPT Penyedia MOOC (IPT lain)	40%
		IPT Penerima Pelajar (UMK)	35%
	E	Penyedia Platform (UMK/PKPA)	15%
		Pusat Ujian (UMK)	10%
		IPT Penyedia MOOC (UMK/ Fakulti)	40%
		IPT Penerima Pelajar (IPT lain)	35%
Yuran Rayuan CTM	A, B, C, D, E	UMK sahaja	100%

*Tertakluk kepada perubahan mengikut kelulusan UMK.


Beberapa kajian kes dinyatakan bagi menjelaskan agihan ini:

- i. Kajian kes contoh kiraan agihan yuran ujian kompetensi MOOC kepada entiti bagi pemohon CTM kategori D.
 - a) Calon pelajar UMK (warganegara Malaysia) dari Bachok bernama B berminat untuk mengambil kursus FALSAFAH ILMU secara MOOC yang ditawarkan oleh UPM. Kursus MOOC FALSAFAH ILMU UPM ini telah tersenarai dalam kursus-kursus yang boleh dipindah kredit dalam program akademik Sarjana Muda di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI).
 - b) Calon tersebut mendaftar dan menamatkan kursus MOOC FALSAFAH ILMU yang disediakan oleh UPM dan mendapat markah pentaksiran MOOC sebanyak 45% (60% markah penuh pentaksiran MOOC) serta menerima sijil tamat MOOC (*certificate of completion*) dari UPM.
 - c) Calon ini kemudiannya ingin menduduki ujian kompetensi MOOC di UMK dengan harapan beliau boleh mendapatkan CTM di UMK apabila mendaftar di UMK nanti.
 - d) Dalam sistem CTM UMK, calon ini perlu mendaftar, memuat naik salinan sijil tamat MOOC (*certificate of completion*) FALSAFAH ILMU, perlu membayar yuran yang

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 47/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

sepatutnya mengikut Jadual 4.2 (RM 60.00 – subjek FALSAFAH ILMU di UMK bernilai 2 kredit) dan memilih pusat ujian kompetensi di UMK. Calon akan mencetak slip menduduki ujian dari sistem CTM UMK dan hadir ke UMK pada tarikh ujian.

- e) Calon perlu hadir 30 minit lebih awal dari masa ujian kompetensi. Ujian kompetensi boleh berbentuk secara bertulis, secara ujian kemahiran atau gabungan diantaranya. Soalan untuk ujian kompetensi ini digubal oleh pakar kursus (*subject matter expert*) oleh universiti penerima. Ujian kompetensi ini juga akan diselia oleh pengawas ujian yang dilantik.
- f) Dalam ujian kompetensi MOOC ini, calon pelajar UMK tersebut telah memperolehi markah sebanyak 20% dari 40% markah penuh dan apabila dicampurkan markah dari sijil tamat MOOC (*certificate of completion*) tersebut, calon pelajar UMK bernama B itu mendapat 65% yang melayakkannya menerima sijil lulus MOOC (*pass certificate*). Calon pelajar ini boleh mengetahui keputusan ujian kompetensi dan jumlah markah keseluruhan untuk kursus MOOC tersebut melalui sistem CTM UMK. Sekiranya melepasi markah minimum yang ditentukan, calon pelajar boleh memuat turun dan mencetak sijil lulus MOOC (*pass certificate*).
- g) Senarai nama pelajar kursus MOOC yang lulus dan menerima sijil lulus MOOC akan dibentangkan ke dalam Jawatankuasa Tetap Senat – Peperiksaan untuk tujuan perakuan.
- h) Pada sesi pendaftaran semester lazim setelah B mendaftar sebagai pelajar baru di UMK, pelajar bernama B boleh memohon pindah kredit MOOC dengan mengisi borang pindah kredit dan melampirkan salinan sijil lulus MOOC (*pass certificate*) yang diakui sah kepada pihak FBI.
- i) FBI melalui Jawatankuasa Akademik Fakulti hendaklah meluluskan permohonan tersebut dan menghantar permohonan yang telah diluluskan kepada pihak bahagian Pengurusan Akademik (BPA) untuk urusan selanjutnya.
- j) Dalam transkrip keputusan semester 1 pelajar B, akan tertera pada bahagian pengecualian kredit untuk kursus USK 10102 MOOC FALSAFAH ILMU (CTM).

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 48/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	


- ii. Contoh agihan yuran ujian kompetensi MOOC yang telah dibayar oleh pelajar B yang berada dalam kategori pemohon D adalah seperti berikut:
- Yuran ujian kompetensi MOOC untuk kursus FALSAFAH ILMU bernilai 2 kredit di UMK ialah RM 60.00 (RM 30.00 x 2 kredit = RM 60.00) dan agihan seperti dalam Jadual 4.5.
 - Agihan kepada entiti lain adalah wajar kerana ianya melibatkan belanja operasi entiti tersebut untuk menjalankan peranan dan tanggungjawab untuk melaksanakan CTM.

4.6 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB ENTITI DALAM CTM

Terdapat beberapa entiti yang memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan CTM di UMK. **Jadual 4.6** menjelaskan peranan dan tanggungjawab entiti yang terlibat secara terperinci:


Jadual 4.6 Senarai Peranan dan Tanggungjawab Entiti CTM di UMK

Entiti	Tanggungjawab
Penyedia platform MOOC	<ol style="list-style-type: none"> Memastikan dan memberi jaminan platform MOOC sentiasa boleh diakses setiap masa (24 jam sehari dan tujuh (7) hari seminggu). Melakukan khidmat sokongan teknikal sekiranya diperlukan. Menyimpan data-data dan melakukan simpanan data sokongan.
IPT/ Fakulti Penyedia MOOC	<ol style="list-style-type: none"> Menyediakan dan mengemaskini isi kandungan kursus MOOC yang berkualiti. Melantik pemudah cara kursus MOOC yang akan melayan pertanyaan pelajar, mengemaskini pentaksiran kursus dan menyemak hasil kerja/tugasan pelajar yang dihantar. Mengesahkan identiti pelajar yang telah mengikuti kursus MOOC dan mengeluarkan sijil tamat MOOC (<i>certificate of completion</i>) yang sah kepada semua pelajar yang telah menamatkan kesemua pentaksiran MOOC. Sijil tamat MOOC (<i>certificate of completion</i>) kursus hendaklah mempunyai butiran sekurang-kurangnya nama pelajar, markah yang diperolehinya dan

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 49/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

	markah penuh pentaksiran MOOC. Universiti penerima berhak untuk menentukan nisbah pemberat yang berlainan untuk tujuan CTM. 5. IPT penyedia juga dikehendaki bersedia untuk memberikan maklumat markah pelajar sekiranya diperlukan.
IPT Penerima MOOC	1. Menguruskan pendaftaran pelajar/pemohon untuk menduduki ujian kompetensi MOOC. 2. Melantik penggubal soalan ujian kompetensi MOOC untuk menyediakan kertas ujian mengikut hasil pembelajaran kursus. 3. Melantik pemeriksa kertas ujian kompetensi MOOC. 4. Mengisi dan memproses markah dalam sistem CTM UMK. 5. Mencetak senarai pelajar yang melepasi markah minimum untuk CTM dan membawa keputusan tersebut untuk diperakukan di peringkat Senat universiti. 6. Melakukan proses penyemakan kertas ujian kompetensi sekiranya menerima permohonan rayuan penyemakan status CTM.
Pusat Ujian Kompetensi	1. Menguruskan logistik pelaksanaan ujian kompetensi MOOC. 2. Melantik pengawas ujian kompetensi MOOC mengikut keperluan pengawasan ujian. 3. Pengawas perlu mengawas ujian yang berlangsung agar dijalankan dengan adil, saksama dan berintegriti.

Untuk konteks UMK, pusat ujian, Penyedia Platform dan IPT penerima MOOC adalah dipertanggungjawabkan kepada Pusat kecemerlangan dan Pembangunan Akademik. Hasil perolehan yuran ini akan dimasukkan ke dalam tabung amanah MOOC di bawah penyeliaan PKPA dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Manakala IPT penyedia MOOC merujuk kepada fakulti/pusat UMK yang membangunkan dan menawarkan kursus secara CTM.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 50/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

4.7 ANALISA RISIKO

Sekiranya pihak universiti tidak melaksanakan CTM, terdapat risiko penurunan pengambilan pelajar baru akan berlaku di mana, kebanyakan pelajar terutamanya dari generasi Z dan *alpha* akan mendaftar di universiti yang menawarkan pemindahan kredit melalui MOOC kerana ianya lebih menarik.


Ramai calon pelajar yang berpotensi akan beralih ke IPT lain yang menawarkan pindah kredit secara MOOC (CTM) yang menetapkan markah minimum untuk pindah kredit MOOC adalah 50%. Markah minimum yang ditetapkan untuk UMK adalah pada 55% iaitu sama seperti gred pindah kredit (C+) yang dinyatakan dalam peraturan akademik UMK. Pihak UMK boleh mengubah gred minimum pindah kredit ini sekiranya mahu kerana gred pindah kredit yang ditentukan oleh pihak MQA untuk pindah kredit ialah C.

Pihak PKPA perlu menyediakan mekanisme kawalan untuk memastikan kualiti kursus MOOC, kualiti pelajar yang mendapat CTM dan mengelakkan sebarang penyelewengan akademik dari berlaku.

Risiko capaian internet yang tidak stabil semasa banyak pelajar mencapai/melaksanakan ujian secara atas talian dalam platform MOOC Malaysia.

Pihak Komputeran dan Informatik (CCI) UMK perlu membangunkan sistem CTM UMK yang boleh diakses menerusi pelbagai jenis pelayar internet dan tidak terhad kepada pelayar *internet explorer* sahaja. Sistem ini juga yang termasuk modul pembayaran di dalam talian juga perlu dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang tinggi agar sukar digodam oleh penjenayah siber.


Pihak UMK perlu bersedia untuk diaudit oleh pihak MQA apabila dikehendaki dan satu unit khas perlu diwujudkan untuk memantau pelaksanaan CTM di UMK. Unit ini perlu memasarkan kursus MOOC dan membuat program jerayawara kepada masyarakat di samping menjalankan audit dalaman pelaksanaan CTM di fakulti/pusat.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 51/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

4.8 KELULUSAN PINDAH KREDIT MOOC

Perincian yang dimuatkan dalam garis panduan ini, walau bagaimanapun tertakluk kepada perubahan mengikut kelulusan semasa di peringkat UMK. Proses, kos dan keputusan muktamad tidak boleh dirujuk melalui perincian yang dinyatakan kerana CTM melibatkan pelbagai pihak lain yang di luar bidang kuasa PKPA.

Di samping itu, kelangsungan CTM juga perlu disokong oleh pihak berkenaan (BPA, CCI dan Bendahari) sepenuhnya dari segi penganugerahan kredit, sistem terbabit dan cara pembayaran. Sekiranya pihak berkenaan masih belum bersedia, CTM seperti yang dijelaskan dalam garis panduan ini mungkin tidak dapat diteruskan. Oleh itu, CTM masih tertakluk kepada perubahan semasa

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 52/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

BAHAGIAN 5 :

GARIS PANDUAN JAMINAN KUALITI MOOC DAN MC

Garis panduan ini bertujuan menerangkan proses jaminan kualiti MOOC dan MC dalam pembangunan, penawaran MOOC dan MC, dan pindah kredit MOOC bagi menghasilkan MOOC dan MC di UMK secara lebih berkualiti dan memenuhi piawaian yang ditetapkan.


Berdasarkan Garis Panduan Pembangunan MOOC Malaysia (2016), Kementerian Pendidikan Malaysia, proses audit dalaman perlu dilaksanakan bagi jaminan kualiti MOOC dan MC. Pelantikan barisan panel dilakukan oleh PKPA UMK berserta penyediaan rubrik penilaian tertentu. Panel penilai boleh dilantik daripada penyelaras e-Pembelajaran, pakar rujuk dari universiti luar dan individu yang dilihat sesuai oleh PKPA UMK.

5.1 JAMINAN KUALITI PEMBANGUNAN MOOC DAN MC

Semakan untuk jaminan kualiti pembangunan MOOC dan MC dilaksanakan setelah selesai proses pembangunan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Perkara berikut hendaklah dijadikan panduan bagi jaminan kualiti pembangunan MOOC dan MC.

5.1.1 PERANAN SUBJECT MATTER EXPERT (SME)

Subject Matter Expert (SME) memainkan peranan dan tanggungjawab penting dalam melaksanakan jaminan kualiti pembangunan MOOC dan MC. *Subject Matter Expert* (SME) antaranya hendaklah menilai MOOC dan MC yang telah dibangunkan secara sendiri dan berkala berdasarkan senarai semak jaminan kualiti pembangunan MOOC dan MC sebagaimana di **Jadual 5.1:**


 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 53/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

Jadual 5.1 Senarai Semak Jaminan Kualiti Pembangunan MOOC dan MC

BIL	SENARAI SEMAK	RUBRIK PENILAIAN
1.	Pemetaan Hasil Pembelajaran Kursus/Topik/Modul	Mengikut skala 0-10 (lebih tinggi lebih lengkap/baik)
2.	Reka bentuk/ Strategi Pembangunan - <i>Storyboard</i> - <i>Banner</i> Kursus (MOOC)/ Modul (MC) - Maklumat Kursus/Modul - Arahan/ Panduan Umum Kursus (MOOC)/ Modul (MC)	
3.	Pembangunan Dalam Talian - Video Pengenalan - Video Penerangan - Aktiviti (Pentaksiran Formatif) - Pentaksiran Kursus/Modul (Sumatif)	
4.	Lencana Tamat Modul (MC) / Sijil Tamat Kursus (MOOC)	

Subject Matter Expert (SME) bertanggungjawab memastikan semua bahan dalam UMK-MOOC adalah milik *Subject Matter Expert* (SME) dan UMK. Semua bahan juga perlu dipastikan tidak mengandungi mana-mana pemilik hak cipta pihak ketiga (iaitu individu, atau organisasi yang tidak bergabung dengan UMK) dan dilindungi oleh undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) - Akta Hakcipta 1987.

Subject Matter Expert (SME) memastikan MOOC dan MC mereka tidak mengumpul maklumat peribadi mengenai pengguna melainkan pihak tersebut secara sukarela memberikannya. Sekiranya pengguna secara sukarela memberikan alamat e-mel atau maklumat hubungan secara sukarela, UMK mungkin menggunakannya untuk memaklumkan kepada pengguna

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 54/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

tentang sebarang perubahan kepada UMK-MOOC, untuk meninjau mengenai penggunaan atau mendapatkan pendapat daripada pengguna.

5.1.2 PERANAN PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK (PKPA UMK)

PKPA UMK memainkan peranan untuk memastikan pembangunan MOOC dijalankan melalui proses dan prosedur yang betul. Antaranya, PKPA perlu memastikan MOOC yang telah dibangunkan dinilai oleh panel penilai menggunakan senarai semak, memantau proses pembangunan MOOC di UMK melalui prosedur yang ditetapkan, serta menyemak bahan dan kandungan MOOC yang dibangunkan secara berkala bagi memastikan kualiti MOOC yang dibangunkan terjamin.


5.2 JAMINAN KUALITI PENAWARAN MOOC DAN MC

Jaminan kualiti penawaran MOOC dan MC melibatkan proses sepanjang penawaran MOOC dan MC mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Perkara berikut hendaklah dijadikan panduan bagi jaminan kualiti penawaran MOOC dan MC.

5.2.1 PERANAN SUBJECT MATTER EXPERT (SME)

Subject Matter Expert (SME) memainkan peranan penting bagi memastikan kualiti kelangsungan MOOC dan MC masing-masing. Mereka perlu memantau dan menyelenggara kandungan pembelajaran semasa penawaran MOOC (sekiranya perlu). Sekiranya ada lantikan fasilitator atau instruktur (jika berkaitan) MOOC dan MC, *Subject Matter Expert* (SME) perlu memantau kedua-duanya agar menjalankan tugas masing-masing.

Selain itu, *Subject Matter Expert* (SME) juga bertanggungjawab memantau aktiviti pelajar yang berpotensi untuk memohon pemindahan kredit MOOC. Sekiranya mod penawaran MOOC adalah dalam durasi tertentu, *Subject Matter Expert* (SME) hendaklah memastikan durasi yang

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 55/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

ditetapkan adalah sesuai dengan *Student Learning Time* (SLT) bagi kursus yang ditawarkan. *Subject Matter Expert* (SME) tidak boleh menutup kursus semasa penawaran MOOC tanpa makluman kepada pihak PKPA UMK terlebih dahulu.

5.2.2 PERANAN PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK (PKPA UMK)


PKPA perlu memantau proses penawaran MOOC dan MC Antaranya, PKPA perlu mengeluarkan amaran bertulis kepada *Subject Matter Expert* (SME) yang tidak menyelenggara MOOC dan MC dalam tempoh dua (2) tahun dan seterusnya mengeluarkan arahan bertulis untuk menutup MOOC kepada *Subject Matter Expert* (SME) yang masih tidak menyelenggara MOOC dan MC setelah amaran dikeluarkan. Status *offline* akan ditetapkan oleh pihak *Team* Teknikal.

5.3 JAMINAN KUALITI PINDAH KREDIT MOOC

Jaminan kualiti pindah kredit MOOC melibatkan proses kelayakan dan permohonan pindah kredit bagi pemohon yang mempunyai Sijil Tamat Kursus MOOC. Proses ini perlu berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan. Perkara berikut perlu dipatuhi untuk memastikan jaminan kualiti CTM.

5.3.1 PERANAN *SUBJECT MATTER EXPERT* (SME)


Subject Matter Expert (SME) berperanan menyediakan soalan ujian kompetensi mengikut arahan pihak fakulti masing-masing dan menanda dengan pemarkahan setelah ujian dilaksanakan. Di samping itu, *Subject Matter Expert* (SME) juga bertanggungjawab menilai kesetaraan kursus MOOC yang diambil oleh pemohon dengan kursus yang sedia ada terutama dari aspek HPK, topik dan markah yang diperolehi.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 56/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

5.3.2 PERANAN FAKULTI

Fakulti berperanan menguruskan proses permohonan CTM mengikut prosedur yang digariskan secara telus dan sistematik. Antara keperluan penting dalam hal ini ialah fakulti perlu menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi menunjukkan carta alir yang jelas.

Fakulti bertanggungjawab mengarahkan *Subject Matter Expert* (SME) untuk menyediakan soalan ujian kompetensi CTM dan menguruskan proses pelaksanaan ujian secara telus. Fakulti juga perlu membuka peluang dan memproses permohonan rayuan bagi proses pindah kredit yang tidak diluluskan.

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 57/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	


SEKALUNG BUDI DAN PENGHARGAAN

Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) UMK ingin merakamkan sekalung budi serta penghargaan kepada pihak yang menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam pencetusan idea, penyediaan serta penerbitan dokumen Garis Panduan MOOC dan MC UMK 2022.

Keikhlasan dan kemurnian hati prof./dr./tuan/puan dalam merealisasikan garis panduan ini amat dihargai. Semoga inisiatif ini dapat melicinkan proses pembangunan, penawaran MOOC dan MC, pemindahan kredit MOOC dan jaminan kualiti MOOC dan MC di UMK.

Senarai Penyumbang

No.	Nama	PTJ
1.	Prof. Dr. Suria binti Baba	Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA), UMK
2.	Prof. Madya Dr. Mohammad Najmi bin Masri	Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA), UMK
3.	Dr. Ahmad Zaki bin Amiruddin	Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA), UMK
3.	Dr. Wan Ab Aziz bin Wan Daud	Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI), UMK
4.	Prof. Madya Dr. Tan Tse Guan	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), UMK
5.	Dr. Nazahatul Anis binti Amaludin	Fakulti Industri Asas Tani (FIAT), UMK
6.	Dr. Ruhil Hayati binti Hamdan	Fakulti Perubatan Veterinar FPV), UMK
7.	Prof. Madya Dr. Anuar bin Mohd Yusof	Bahagian Pentadbiran Akademik (BPA), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UMK

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) UMK/TNCA/PKPA/GRP/2022-01	PINDAAN : 1 TARIKH PINDAAN : 29 MAC 2022 MUKA SURAT: 58/58
	GARIS PANDUAN MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC) DAN MICRO-CREDENTIAL (MC) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	

8.	En. Mohd Norhafizan bin Muhammad	Bahagian Pentadbiran Akademik (BPA), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UMK
9.	Pn. Siti Hajar binti Hassan	Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA), UMK
10.	Pn. Che Nurul' Nyunni binti Ibrahim	Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA), UMK